

2.

sebuah parti politik yang terbesar di Sarawak.

2. Konvensyen Parti (Pesaka) Bumiputra Bersatu ini, amatlah besar ertinya, kerana ia diadakan sempena lawatan saya ke negeri Sarawak. Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataalla, kerana dapat peluang bertemu muka dan beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin dan sebilangan besar ahli-ahli Parti (Pesaka) Bumiputra Bersatu, yang telah datang dari seluruh negeri Sarawak. Kaum Bumiputra di Sarawak terdiri dari berbagai suku kaum, dan (segulungan) mereka adalah daripada satu rumpun orang-orang Melayu.